


**amanah  
akhir  
TUNKU**





*Y.T.M. Tunku Abdul Rahman sedang berucap buat kali terakhir sa-laku Yang Di-Pertua UMNO dalam Perhimpunan Agung yang ke-22 di-Hotel Merlin, pada 23hb. Januari, 1971. Kelihatan Y.A.B. Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan juga Yang Di-Pertua UMNO yang baru di-sebelah-nya.*



# **AMANAH AKHIR TUNKU**

Access No:	5064 36/93
Class. No:	Lat. PIR 320.5

TUH



*Tuan Pengerusi,  
Ahli2 Majlis Kerja Tertinggi,  
Ahli2 yang Berhormat,  
Dhaif2 dari Sabah dan Sarawak,  
Tuan2 dan Puan2 Sidang Perwakilan sekalian.*

Pada hari ini saya berdiri di-hadapan tuan2 dan puan2 dalam perhimpunan Agong UMNO yang ke-22 ini, ada-lah sa-bagai perdirian yang terakhir sa-bagai Yang Di-Pertua UMNO, kerana dalam persidangan Perhimpunan Agong ini, tuan2 akan mengangkat dan memilih ganti saya untuk meneruskan perjuangan yang telah kita taja bersama semenjak 24 tahun yang lalu.

2. Perhubungan saya dengan UMNO telah bermula semenjak saya mengambil alih puchok pimpinan-nya pada 26 Ogos 1951 ia-itu kira2 20 tahun lama-nya. Pendek kata anak2 yang lahir waktu saya terima jawatan Yang Di-pertua ini, sekarang berumur 20 tahun, dan ada pula rakan2 sa-perjuangan yang telah meninggal dunia dan tidak berada bersama2 kita lagi. Kita ingat mereka dengan kenangan2 selama2-nya.

3. Ahli2 UMNO pada hari ini terdiri daripada orang2 dan ahli2 yang asal yang telah berjuang dan mendukung UMNO ini semenjak di-tubuhkan dan juga daripada orang2 muda yang baru masuk dan baru merangkak2 dalam perjuangan UMNO.

4. Memandang kapada latar belakang perjuangan UMNO sa-lama ini, saya menguchap shukor ka-hadhrat Tuhan yang telah memberi pertunjuk dan melimpahkan rahmat-nya kapada parti dan negeri ini yang telah di-pimpin oleh UMNO daripada keadaan terjajah dan tidak di-kenali orang kapada suatu taraf kemuliaan dan kebesaran yang paling tinggi di-dalam dunia ini.

5. Jika kita kenangkan bahawa negeri ini, negeri yang mempunyai ra'ayat yang berbilang bangsa keturunan dan berbilang ugama, dan bilangan kita orang2 Melayu hanya saparoh sahaja daripada jumlah semua penduduk-nya, maka kita merasa bangga dan megah kerana kita telah berjaya menjadikan ugama Islam ugama rasmi negara dan Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan dan rasmi yang tunggal dalam negara ini. Di-manakah dalam dunia ini sa-buah negara yang berchorak demokrasi dapat meni'mati taraf kedudukan yang bagitu tinggi dan menchapai segala maksud dan chita2 kebangsaan yang kita idam2kan itu.

6. Choba-lah tuan2 lihat negara Lebanon yang penduduk-nya sa-paroh Islam dan sa-paroh Keristian yang berasal dari satu bangsa dan keturunan, tetapi dalam pentadbiran negeri-nya; jawatan2 di-bahagi2 sama rata dan sama banyak antara kedua gulongan pemelok ugama itu. Bagitu juga negara2 saperti Canada, Belgium dan Switzerland, semua-nya mengamalkan dasar berbilang2 bahasa kerana negara itu negara berbilang bangsa.

7. Choba-lah tuan2 lihat dan tilek semua-nya itu dan bandingkan dengan hak2 yang kita telah jaminkan bagi bangsa kita Melayu dalam jawatan kerajaan, ugama, bahasa dan iktisad. Pada perasaan saya, tidak shak lagi bahawa orang2

yang jujur akan bershukor kepada Ilahi di-atas rahmat dan kelebihan yang telah kita perolehi itu dengan merdeka kita. Saya yakin kebanyakan orang kita megah dan puas hati dengan kurniaan Tuhan itu. Dengan sebab ada-nya rasa puas hati itu-lah kita telah dapat menjalankan pentadbiran negara ini dengan baik sa-hingga kita dapat meni'mati kejayaan dan kemajuan yang luar biasa, kuat dan menjadi sebutan dan pujian orang2 luar di-mana2 sahaja di-sebutkan nama Malaysia.

8. Negara2 Islam pula, telah memilih Malaysia untok membentok Secretariat Islam dan mentadbir serta menyelenggarakan-nya. Ini tidak shak lagi ia-lah kerana pandangan tinggi mereka terhadap Malaysia. Orang2 Islam yang ada dalam Malaysia ini tidak lebeh jumlah-nya dari 5 juta orang, dan jika di-banding-kan dengan negara2 Islam yang lain, umat-nya lebeh 400 million, boleh di-katakan bahawa negara kita ini-lah yang paling kechil dan sadikit sakali jumlah penduduk Islam-nya. Tetapi sungguh pun kita ini negara kechil, kita telah menunjukkan kechekapan dan kecherdasan dalam memimpin negara kita.

### KAGUM LIHAT KEJAYAAN

9. Negara2 Islam yang menghadhiri Persidangan Islam dalam bulan April 1967 di-Kuala Lumpur dahulu, sangat2 tertarik hati dan kagum melihatkan kejayaan yang telah terchapai dalam negara kita, dalam bidang kemajuan ugama Islam umpama-nya; surau, masjid2 dan sekolah2 ugama yang telah kita dirikan semenjak merdeka ada-lah lebeh banyak daripada yang telah di-dirikan dalam semua negara2 Islam yang menghadhiri Persidangan itu dalam tempoh yang sama.

10. Bagaimana saya telah sebutkan tadi bahawa negara kita ini ada-lah negara berbilang bangsa dan berbilang Ugama, tetapi apa jua usaha untok kebaikan dan kemajuan ugama Islam dan orang2 Melayu yang kita buat, tidak pernah mendapat tentangan atau bangkangan atau halangan daripada orang2 yang bukan Melayu dan bukan Islam.

11. Memang maseh banyak lagi yang hendak di-buat oleh kerajaan untok kemajuan orang2 Melayu dalam berbagai2 bidang dan lapangan hidup bagi merubah-kan keadaan hidup mereka yang mundor dan rendah itu. Sungguh pun hasil Usaha2 kerajaan itu ada kala-nya lambat kerana kita meletakkan target-nya yang sangat tinggi, tetapi kejayaan-nya ada-lah pasti. Kerajaan tidak membuat sesuatu dengan chara yang drastic, kerana chara yang demikian akan mengganggu kemajuan dan perkembangan ekonomi negara. Jika kemajuan negara tersekat atau terganggu, maka akan rusak dan kuchar kachir-lah ekonomi negara dan boleh jadi akan hanchor lebor sama sakali sa-bagaimana yang berlaku di-negara2 Asia yang lain. Sa-kira-nya kita hendak memakai chara2 yang drastic dan terburu2 untok menolong orang2 kita, maka saya bimbang, orang2 yang hendak di-tolong itu akan bertambah merana dan negara punah ranah. Kira-nya keadaan sa-umpama ini terjadi, maka segala usaha dan ranchangan kemajuan ugama Islam akan gagal dan kechewa.

12. Kita dalam parti UMNO sa-lama ini telah berjalan dengan pakatan yang baik di-antara semua gulongan, sama ada gulongan atas dengan gulongan bawah, dan gulongan tua dengan gulongan muda. Berkat kerjasama dan pakatan baik ini-lah UMNO telah menjadi kuat sebagai parti politik.

13. Ahli2 UMNO yang bersama saya dalam kabinet, ada-lah ahli2 UMNO yang asal, yang berjuang sejak daripada mula lagi. Ada di-antara mereka yang telah berpisah dan berhenti daripada kabinet kerana umur-nya sudah tua dan ada pula kerana meninggal dunia. Semua mereka ini ahli2 perjuangan yang banyak jasa-nya kepada parti, bangsa dan negara. Di-antara menteri2 yang bersama saya, hanya ada sa-orang sahaja pembelot, dan dengan serta merta dia di-pechat...Di-dalam itu ada juga antara ahli2 yang belot, tetapi memang-lah bagi sa-buah parti yang besar tidak terlepas daripada anasir2 musuh dalam selimut ini. Allah juga berkuasa dan dengan rahmat dan rahim-Nya telah di-masokkan dengan kekuatan sahabat2 kita dari Malaysia Timor yang mana



*Kelihatan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman mengistiharkan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 haribulan Ogos, 1957.*

dengan berkat kekuatan mereka, perikatan berjaya memerintah negara dengan mempunyai kuasa yang penuh. Di-sini saya sukachita menyebut dan menchatitkan nama sa-orang pemimpin dan penganjor dari Malaysia Timor di-dalam sejarah perjuangan UMNO dan Perikatan, ia-itu ia-nya TUN MUSTAPHA. Jasa-nya sa-bagai pemimpin bangsa ada-lah ternyata kapada tuan2 dan puan2. Allah jua akan membalas jasa-nya yang berharga itu.

14. Sa-bagai pemimpin yang telah memimpin tuan2 dan puan2 sa-lama 20 tahun, saya berasa sangat bangga dan bertuah, kerana sa-panjang masa pimpinan itu, saya telah menerima dan mendapat ta at setia daripada rakan2 sa-perjuangan dan pengikut2 serta penyokong2 parti. Hal ini sukar hendak di-dapati dalam mana2 parti politik di-dunia ini. Saya sungguh bershukor pada Allah atas kemurahan dan pertolongan-nya ini.

15. Pada masa kebelakangan ini, saya telah mendengar kata2 daripada orang2 baru ia-itu sianu dan si itu, konon-nya tidak layak menjadi menteri, kerana tidak pandai dan tidak chekap menjalankan kerja-nya. Orang2 baru itu menudoh ia-itu saya mengambil menteri2 itu untok menjadi "YESMAN" bagi memuaskan kehendak dan kemahuan nafsu saya sendiri.

16. Di-sini saya hendak mengingatkan ahli2 UMNO sakalian, bahawa orang2 yang di-katakan tidak pandai dan tidak layak itu ada-lah orang2 yang telah memelopori perjuangan UMNO untok merebut kemerdekaan tanah ayer daripada asal dan mula2 lagi. Mereka itu-lah yang telah membina dan membentok UMNO dengan tidak mengheraukan kepentingan diri mreka, malah mereka mengorbankan muslihat dan kepentingan diri mereka untok UMNO dan dengan pengorbanan yang sa-umpama ini-lah, maka UMNO menjadi tegoh dan kuat sa-perti keadaannya sekarang ini. Saya tidak pandang orang2 yang di-katakan tidak layak itu saperti kain burok yang patut di-buang, malah sa-balik-nya saya pandang tinggi terhadap mereka, kerana semangat perjuangan-nya dan ta'at setia mereka serta kaseh mereka terhadap parti yang patut menjadi lambang dan simbul perjuangan kita yang abadi. Bahkan sentiasa memandang kapada mereka dengan pandangan yang tinggi dan mulia.

17. Pada permulaan perjuangan kita menuntut kemerdekaan ada-lah bergantung jaya atau tidak-nya di-atas kerjasama antara kita orang2 Melayu dengan orang2 China dan India. Bagi kita orang2 Melayu, maka soal kemerdekaan itu bergantung pula kapada persetujuan dan bantuan Raja2 Melayu. Saya ingin mengambil kesempatan di-sini menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh kapada orang keturunan China yang pada waktu itu di-pimpin oleh bapa Tun Tan Siew Sin ia-itu Tun Tan Cheng Loke dan kapada orang2 keturunan India yang di-pimpin oleh Tun Sambanthan. Kedua2 pemimpin ini telah bersetuju sa-hidup dan samati dengan kita untok menchapai matalamat perjuangan kita ia-itu kemerdekaan negara dan bangsa. Saya juga menjunjung tinggi sikap Duli2 Yang Maha Mulia Raja2 Melayu, kerana sa-telah terchapai-nya kata sa-pakat di-atas kapal Asia dengan wakil2 baginda yang pada masa itu dalam perjalanan menuju ka-London untok berunding dengan kerajaan British bersama wakil2 Perikatan, maka ter-chipta-lah kemerdekaan negara kita.

18. Ada gulongan yang hendak mengechil2kan usaha kita dengan mengatakan bahawa kemerdekaan ini di-chapai di-atas dulang perak. Sa-benar-nya gulongan

ini ada-lah penentang2 kita yang tidak senang melihat kejayaan kita. Sa-sungguh-nya kemerdekaan yang kita chapai itu ada-lah dengan usaha, ikhtiar dan dengan pengorbanan kita.

19. Kerajaan British pada masa itu tidak berniat hendak menyerahkan negeri ini dengan mudah dan bagitu sahaja. Dalam masa kita berjuang menuntut kemerdekaan tanah ayer, British telah membuat berbagai2 ikhtiar dan angkara untok menggagalkan perjuangan suchi kita itu dengan menyeludupkan hantu2-nya di-merata2 tempat, sa-hinggakan di-dalam tempat2 mushuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO di-letakkan berbagai2 alat perakam untok mengetahui rahasia pergerakan kita dan malang-nya ada pula antara ahli2 Majlis Kerja Tertinggi UMNO sendiri yang sanggup di-gunakan oleh penjajah bagi mengetahui rahsia2 dan tektik2 kita. Pendek kata, perjuangan kita untok menchapai kemerdekaan tanah ayer, telah menempoh berbagai2 halangan dan rentangan.

### DOKIUMAN2 LENYAP

20. Di-rumah saya di-Johor suatu masa dahulu waktu saya pulang ka-Alor Star, telah di-pechah dan di-gelidahkan. Barang2 pakaian yang berharga tidak ada yang hilang, tetapi kertas2 dan dokiuman2 telah lenyap. Siapa-kah yang melakukan perbuatan ini? Dengan takdir Ilahi, perjuangan kita berjaya, tujuan kita terchapai dan negara kita Malaya dari sa-hari ka-sahari bertmbah mashor dan terkenal. Bagitu juga bangsa kita Melayu yang dahulu-nya menjadi 'abdi' jajahan, telah menjadi mulia dan menchapai taraf kedudukan yang tinggi.

21. Kerajaan British sendiri pun berasa puashati dengan kemerdekaan kita itu oleh sebab kita telah memberikan kerjasama kapada-nya dan menganggap-nya sa-bagai kawan dan sahabat dan dengan pertolongan kita telah mengalahkan komunis yang boleh merusakkan ekonomi British di-Asia Tenggara ini. Jadi dengan melihatkan sikap kita yang bertanggung jawab itu, pehak kerajaan British telah bersikap lunak dan menerima dasar "angin perubahan" itu. Sikap negara kita ini boleh di-katakan telah mempengaruhi kerajaan British dalam menghadapi tuntutan kemerdekaan negara2 yang menjadi ta'lok jajahan-nya yang lain dan sebab itu-lah semua negara2 bekas jajahan ta'lok-nya yang menchapai kemerdekaan kemudian dari Malaya, telah mengikut jejak langkah Malaya dengan memasoki kumpulan negara2 Komanwelth.

22. Malaya yang luas-nya 54,000 batu persegi telah menjadi Malaysia pada tahun 1963 dan dengan ini luas-nya bertambah sa-banyak 130,000 batu persegi. Tambahan ini ia-lah kerana kemasokan Sabah, Sarawak dan Singapura ka-dalam Malaysia. Tetapi kita terpaksa berpisah daripada Singapura kerana hendak menyelamatkan nyawa, harta benda dan kerana hendak mengelakkan daripada berbangkit-nya kekachauan kaum. Shukor-lah kita kapada Tuhan kerana Malaysia sekarang dapat berdiri tegak sa-bagai sa-buah negara yang maju dan ma'mor dan boleh di-katakan paling aman jika di-bandingkan dengan negara2 yang lain.

## HADAPI TENTANGAN

Tuan2 dan Puan2 sidang perwakilan sakalian.

23. UMNO sa-bagai sa-buah parti yang telah begitu lama memerintah, tentu-lah akan mendapat tentangan2 dan perlawanan2 daripada parti2 dan orang2 yang menentang kita. Parti2 dan orang2 yang menentang kita itu tentu-lah akan choba menchari segala kesalahan dan kelemahan kita dalam tiap2 pilehan-raya atau pada tiap2 ada peluang mereka berbuat demikian. Mereka akan melamparkan berbagai2 tudohan ka-atas kita dan di-samping itu membuat berbagai2 janji untok mempengaruhi ra'ayat bagi menyokong parti mereka, yang konon-nya akan membuat segala2-nya untok kepentingan ra'ayat. Parti Islam umpama-nya menggembar gemborkan dan menepok2 dada mengatakan konon-nya perjuangan mereka ia-lah untok menguntongkan orang2 Melayu dan Ugama Islam. Chara mereka membuat di'ayah perkauman ini membayangkan kapada kita sa-olah2 negeri ini tidak mempunyai penduduk sa-lain daripada bangsa Melayu, tetapi sayang-nya orang2 Melayu kita di-kampong2 telah termakan di'ayah2 yang saumpama ini dan memperchayai-nya. Sekarang mari-lah kita lihat, tilek dan pandang, apa-kah yang parti Islam itu telah buat untok kepentingan orang2 Melayu sa-telah memerintah Negeri Kelantan beberapa tahun lama-nya. Ada ta' ada yang mendapat faedah dan kepentingan ia-lah sa-gelintir manusia ketua2 parti itu dengan mendapat lesen2 tanah dan hutan kayu balak. Untok kepentingan ugama Islam yang kita lihat di-Kelantan tidak ada apa yang bertambah baik. Dan yang lebeh mengharukan lagi ia-lah satu perlina daripada negeri Kelantan telah di-gadai kapada sa-buah kampeni asing. Dalam Pilehanraya Kebangsaan yang lalu, mereka menyokong parti2 bukan Melayu dengan tujuan memechahkan pengundi2 Melayu yang untok memberi kemenangan kapada parti2 yang lain.

24. Parti2 yang bukan Melayu pula mendi'ayahkan kapada orang2 yang bukan Melayu dengan janji hendak membuang hak2 orang2 Melayu dan hendak menyamaratakan semua ra'ayat negara ini dengan memakai selogan Malaysian Malaysia. Tetapi parti2 ini tidak pula menyentoh tentang hendak menyamakan kedudukan ekonomi mereka dengan orang2 Melayu. Kalau mereka sa-sungguh-nya hendak sama hak dalam bidang ekonomi antara orang2 Melayu dengan orang2 yang bukan Melayu, maka dapat-lah kita faham dan mengerti kejujoran mereka. **Tetapi tiada orang2 asing yang ada segala kekuatan ekonomi itu bersungguh2 hendak menolong orang2 Melayu yang mundor. Ini menunjukkan betapa palsu-nya di'ayah2 mereka itu dan betapa tidak jujur-nya parti2 pembangkang itu terhadap kepentingan negara.** Pendek kata, tidak ada dalam negara ini sa-buah parti yang boleh menjamin keselamatan negeri dan ra'ayat, melainkan UMNO dan Perikatan.

25. Kita dalam UMNO dan Perikatan ada-lah berjalan mengikut kehendak peredaran zaman. Apa sahaja kemajuan yang harus di-buat untok kepentingan ra'ayat khas-nya orang2 Melayu dan 'am-nya penduduk2 dan ra'ayat Malaysia seluroh-nya, maka kita akan menyempurnakan dan melaksanakan dengan sedaya upaya kita sa-telah kita membuat perhitongan yang teliti. Apa sahaja yang kita pandang patut dan mustahak untok kepentingan negara, ia-itu yang kita akan lakukan dan itu-lah yang kita jadikan dasar dan polisi perjuangan kita. Maka

dengan polisi yang sa-umpama ini-lah kita telah berjaya menjamin kedaulatan negara Malaysia. Oleh itu ada-lah menjadi kewajipan dan tanggung jawab UMNO untuk menjaga dan memelihara Parti Perikatan ini. Kita hendak-lah sedar dengan kerana mereka bekerjasama dengan kita-lah, mereka menjadi kechewa dan lemah. Pendirian sahabat2 kita berkenaan dengan hak2 Melayu, Bahasa Kebangsaan dan dasar Pelajaran itu, saya sifatkan sa-bagai pendirian yang berani dan setia dan itu-lah telah menjadi sebab kekalahan mereka di-dalam pilihanraya di-mana pihak Pembangkang menggunakan untuk membidas mereka. Begitu-lah juga sa-balik-nya UMNO mengalami kekalahan kerana kita menimbangkan kedudukan kaum2 lain. Jadi ada-kah baik bagi kita sesama kita menempelak sesama sendiri dengan membesar2kan kekalahan itu, walhal-nya tanggungan kita memberi pertolongan sabberapa yang boleh untuk memperkokohkan parti Perikatan.

26. Saya sangat dukachita mendengar dalam masa yang akhir2 ini kata2 dan chakapan2 yang mengatakan dalam UMNO sekarang ini ada order baru dan ada pula order lama yang ta' boleh di-pakai. Kata2 yang sa-umpama ini tidak sesuai dengan dasar perjuangan kita. Apa-kah salah silap-nya pada yang lama dan apa-kah kekurangan pada yang dahulu itu? Kerana kita telah menjadikan Malaya yang terjajah kapada Malaya yang Merdeka? Dari Malaya sa-buah Koloni di-bebaskan menjadi sa-buah negeri Merdeka. Malaya yang kechil itu di-jadikan dia Malaysia? Itu-kah salah-nya?.

27. Sa-kira-nya maksud dan tujuan orang2 itu hendak memberi nafas dan semangat baru dalam parti, saya sangat2-lah bersetuju kerana ini yang menjadi dasar perjuangan kita ia-itu berubah mengikut peredaran zaman, umpama-nya dahulu kita pakai chogan kata Hidup Melayu, kemudian kita tukar kapada Merdeka dan sekarang ini pula kita pakai Berjaya. Tetapi jika sa-kira-nya tujuan2 orang2 ini hendak menyingkirkan orang2 lama dan asal yang telah berkhidmat dengan chemerlang kapada parti dan negara supaya di-ubah perjuangan UMNO sama sekali, saya sekali2 tidak bersetuju.

28. Saya sedar dalam UMNO pada hari ini ada banyak orang2 baru, diantara mereka ia-lah orang2 yang bukan asal UMNO dan bukan berhati perut UMNO. Sa-tengah2 daripada mereka datang daripada parti lain yang sudah lenyap kerana dasar parti2 itu tidak dapat sambutan dari orang2 Melayu. Mereka menyeludup masuk dalam UMNO untuk menumpang kekuatan UMNO. Antara mereka ada yang memuji2 menteri yang telah kita pechat kerana belot dan durhaka kapada parti....Orang2 yang saperti ini saya sifatkan sa-bagai musuh dalam selimut. Jaga2-lah mereka, kerana mereka choba menjaga lampu baru untuk mendapatkan lampu lama yang ajaib itu dan dengan menchuri lampu lama yang 'ajaib ini mereka dapat menguasai parti kita dan sa-terus-nya memegang kuasa dalam negara Malaysia kita ini.

29. Sa-bagai pesanan saya yang terakhir kapada saudara2 saperjuangan, janganlah terpedaya atau termakan dengan di'ayah2 orang yang hendak memecah-belahkan parti kita dan menghanchor leborikan dari dalam sa-telah gagal hendak menghanchorkan-nya dari luar. Jaga-lah baik2 kapada lampu 'ajaib yang lama itu yang telah memberi hikmat besar sa-lama ini bagi kita dan negara kita. Ahli2 UMNO yang jujur, jika ada apa2 chadangan yang berfaedah dan baik

untuk muslihat ra'ayat dan negara, maka sampaikan-lah chadangan2 itu kepada ketua2 UMNO, dan jangan-lah pechahkan UMNO kepada tua dan muda atau baru dan lama.

30. Sa-kira-nya sebab bernama order baru dan order lama itu dengan ada-nya saya, tetapi pada hari ini, saya tidak lagi menjadi Yang Di-Pertua UMNO, kerana Tun Razak akan terima Jawatan itu. Sa-lain dari itu, semua ketua2 UMNO yang lain ada-lah bertanggung jawab bersama dalam menjalankan dasar perjuangan kita. Oleh itu tiada sebab pun di-shak bahawa saya menjadi penyekat atau penghalang kemajuan UMNO atau negara. Sebagai kata perpatah Inggeris: "Proof of the pudding is in the eating" — membuktikan sedap atau tidak-nya puding itu ia-lah sawaktu memakan-nya. Apa yang dapat kita saksikan sa-lama ini, UMNO kuat dan negara kita damai dan maju. Oleh yang demikian saya menyeru seluruh ahli2 UMNO, kaum ibu, kaum bapa, pemuda2 supaya memberikan sokongan dan ta'at setia kepada Tun Abdul Razak untuk menyenangkan dan memudahkan beliau memimpin parti dan mentadbirkan negara. Dan juga saya berseru supaya memberi sokongan kepada Ahli2 Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang tuan2 dan puan2 pileh hari ini.

31 Bagi pehak saya tidak dapat saya gambarkan betapa besar-nya rasa terharu dan sedih meninggalkan saudara2 saperjuangan sakalian. Dalam masa 20 tahun



*Kelihatan dalam gambar ini, Y.T.M. Tunku beruchap buat kali pertama sa-bagai pemimpin UMNO.*

saya memimpin parti ini, saya telah menerima sokongan dan kerjasama yang luar biasa daripada tuan2 dan puan2 sakalian. Atas sokongan dan kerjasama tuan2 dan puan2 itu saya ucapkan terima kaseh yang tidak terhingga. Tegohnya sokongan ahli2 UMNO terhadap saya sa-bagai pemimpin kerajaan sa-lama ini telah menjayakan kerajaan dalam mengatasi segala rupa dugaan dan rintangan. Tegasnya kita telah dapat mematahkan segala rupa anchaman yang datang dari komunis dan daripada konfrantasi Sukarno. Ini semua ada-lah kerana pertolongan Tuhan berkat tegoh dan kuat-nya sokongan ahli2 UMNO di-belakang kerajaan. Segala anchaman yang telah kita alami itu, kita telah hadapi dengan sifat kesabaran dan ketabahan serta kechekalan hati. Ini semua-nya dapat kita lakukan dengan sebab kita mempunyai semangat yang jujur. Saya menyeru tuan2 dan puan2 supaya jangan-lah menimbulkan pechah belah dalam parti kita kerana UMNO ini-lah sahaja parti yang menjadi tumpuan ra'ayat dan orang2 Melayu khas-nya dalam masa2 kechemasan. Chontoh-nya apakala berlaku kejadian di-Selangor, maka orang2 Melayu daripada berbagai2 parti telah menyatukan diri-nya dalam UMNO dan ini menunjukkan sa-besar2 bukti bahawa UMNO ini-lah menjadi harapan dan tumpuan bangsa kita Melayu. Dalam pilehanraya kebangsaan tahun 1969 yang lepas, parti Perikatan telah kehilangan banyak kerusi. Ini ada-lah suatu kejadian yang wajib kita mengambil pengajaran dan tauladan supaya dapat kita membetulkan kesilapan2 kita dan memperkuatkan kembali kelemahan2 kita.

32. Malang-lah sa-lepas tamat-nya pilehanraya kebangsaan itu, telah berlaku peristiwa terajidi 13 Mei ia-itu satu terajidi yang telah mengechiwakan segala usaha yang kita telah buat dan peratoran2 yang telah kita susun untok menchapai perpaduan ra'ayat negara ini yang terdiri daripada berbagai2 keturunan bangsa itu. Sa-lama ini kita memerintah negara ini tak pernah berlaku kejadian burok saumpama itu. Tidak shak lagi bahawa kejadian ini ada-lah satu malapetaka dan kemalangan yang besar, tetapi Alhamdulillah, sekarang ini keadaan telah puleh samula dan hanya tinggal parut2-nya sahaja. Walau bagaimana pun mari-lah kita memupok kembali rasa harmoni dan muhibbah di-kalangan ra'ayat, sebab hanya dengan ini-lah sahaja yang dapat menjamin keselamatan keturunan kita yang akan datang.

33. Sedang kita sebok memupok rasa muhibbah di-kalangan ra'ayat, tiba2 kita di-landa pula oleh banjir yang tak pernah di-saksikan sa-umpama-nya dalam sejarah tanah ayer kita. Dalam menghadapi malapetaka banjir ini, seluroh ra'ayat tidak kira ugama dan keturunan-nya sedang memikul beban kesusahan bersama dan sekarang dapat-lah tahu betapakah mustahak-nya kita bekerjasama, tolong menolong dan bantu membantu antara satu sama lain bagi merengankan beban kesusahan banjir ini. Apa bila kerajaan membuka tabong derma benchana alam untok menolong mangsa2 banjir, maka bantuan yang berupa barang dan wang ringgit datang menchurah2 daripada semua gulongan bangsa. Ini menunjukkan betapa mendalam-nya perasaan kesian rahim dan tanggung jawab antara sa-sama ra'ayat negara ini. Dan dengan itu menghilangkan perasaan sengketa antara kaum yang telah di-timbulkan oleh kejadian 13 Mei dahulu.

## KEHORMATAN

Tuan2 dan Puan2 Sidang Perwakilan sakalian.

34. Sa-bagaimana yang tuan2 dan puan2 ma'alum bahawa dalam sedikit masa lagi, saya akan bertolak ka-Jedah Saudi Arabia untok bertugas di-pejabat Secretariat Islam kerana saya telah di-lantek menjadi Setia Usaha Agong-nya, ia-i-tu satu kehormatan dan kemuliaan yang telah di-kuniakan oleh Tuhan kepada saya. Sa-benar-nya pelantekan saya ini sa-bagai Setia Usaha Agong negera2 Islam, bukan-lah satu kehormatan kepada diri saya sa-mata2, tetapi sa-benar-nya ini-lah satu kehormatan kepada negara dan ra'ayat Malaysia seluroh-nya. Saya rasa bangga kerana dapat pula berpeluang menyumbangkan khedmat dan tenaga saya kepada seluroh negara dan umat Islam. Saya bermohon kepada Allah supaya melindungi dan menolong saya dalam memikul dan menyempurnakan bebanan tugas yang berat tetapi mulia ini.

35. Saya yang akan berdekatan dengan Batillah di-Tanah Suchi itu akan sentiasa berdoa' pula, moga2 Tuhan menyelamatkan UMNO ini tempat saya mula2 melangkah dalam politik dan menchapai kemunchak nikmat, berkhidmat kerana bangsa dan negara. Dan saya akan berdoa' untok keselamatan dan kejayaan Malaysia, pemimpin2-nya dan ra'ayat Malaysia buat sa-lama2-nya, amin.

Selamat tuan2 dan puan2 bersidang dan berjaya Malaysia.

***Farewell Speech by***  
***Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN***

at the UMNO General Assembly  
on Saturday 23rd January, 1971



Ladies & Gentlemen;

Today I stand before you at the General Assembly of UMNO for the last time as your President, for at this Assembly you will appoint a new President to take over my place and continue with the good work we have been doing for the last 24 years.

My association with UMNO as President began on 26th August, 1951, almost twenty years long. In short those who were born at the time I took over will be twenty years today. Some of my colleagues have passed away and are no longer with us, blessed are their memories.

Members of UMNO come from those who joined us from the beginning while some joined us at a later stage. Looking back on our movement I have every reason to thank God for His blessing and for the success which the Party and the country have enjoyed under the leadership of UMNO. From a colony without recognition we attained a position of good standing in the world today.

If we consider that the Malays form only half the population in a multi-racial country with peoples of diverse racial origins and religions, we have every reason to be proud of the fact that we have made Islam the official religion and Malay the official language of the nation. Where else in the world today is there a country which practises democracy which can boast of such a record and achievement, as had been our good fortune.

For instance, in the Lebanon the population there is one half Islam and the other half Christians. They are people of the same race and origin but the Constitution made provision for the right of people of one religion as against the right of the other. The same situation prevails in Canada, Belgium and Switzerland, where the population is mixed and the language bi-lingual.

You see all this and compare it with the privileges which the Malays in this country who enjoy very special positions in the administration, religion, language and politics. My feeling is that people who are sincere do thank God for His blessing and the benefit which we have derived with the independence of Malaysia. I am sure our people are proud and satisfied with what we received from God and because of this we are able to carry out our administration smoothly and have as a result achieved success and stability, and enjoyed a good reputation throughout the world.

Representatives of Islamic countries who came to Kuala Lumpur for a conference in April, 1967 were greatly impressed with the development they saw, in particular in respect of the religion of Islam, where the suraus, mosques and the religious schools, they say, number more than those in all the Islamic countries put together. As I said before, Malaysia is a country made up of people of different religions and racial origins, but we received no protest from those others for any help we give in respect of our religion, or the Malay people.

Of course, we have a great deal more to do to help the Malays improve their lot because of their backwardness. The rate of progress is admittedly slow because we have set our target pretty high but the help which is forthcoming is assured. We cannot take very immediate or drastic action for this would obstruct the progress of the country, and would cause a serious setback. If the national

development is obstructed, or in any way interfered with, then our economy would be jeopardised as can be seen elsewhere in the countries of Southeast Asia. Any drastic action to help our people would have an adverse effect with the state of our economy in a topsy-turvy, and therefore it would not be possible to give any help in respect of the religion of Islam or our people.

We in UMNO have so far co-operated very well with everybody, whether it be from the top or from the bottom, or among the young people and because of this co-operation UMNO continues to be strong as a political party. Many UMNO members of the Cabinet had been with me from the beginning of our struggle. Some have left because of old age, and others have passed away. All these people have given great service to the Party, their race and country. Among these Ministers there was only one who was different and it was necessary to expel him from the party because of his disloyalty. Of course in a big political party like ours we must expect some disloyal elements from within the party. But God is great and by His Grace we won new friends from East Malaysia, whose strength had given the Alliance another victory with which we are able to run the country with a good majority.



*Signing Independent Agreement between Malaya and Great Britain in London in 1956.*

I would like to mention in particular an outstanding leader from East Malaysia whose name should be recorded in the books of UMNO and Alliance for all time for his service to the nation and the Party. I refer to Tun Mustapha. May Allah reward him for his loyalty.

As a leader for the last twenty years I feel proud of my position for during my term of office I have received unstinted support and undivided loyalty from the members and those who support the party. This is something that leaders of other parties do not often enjoy in the world today. I give thanks to God for the help, guidance and blessing I received from Him.

Sometime back there has been a talk that such and such a person is not fit to be a Minister because he has not got the qualification to take on such responsibility. They charged that this sort of person is put there as my "yes-man" to satisfy my whims and fancy. I would like to remind UMNO members that these so-called unqualified Ministers are the same ones who have given their services to the party and help to make it what it is today. They helped to build up the party without regard for their personal safety or their own comfort. They have in fact made great personal sacrifices for the good of the party. I don't regard these people as old cloth to be discarded. Their spirit and loyalty towards the party must continue to remain the example and symbol of our struggle. I regard them high in my estimation.

When we first started our struggle for Merdeka our success was dependent on what help we could get from the Chinese and Indians because we depended on the understanding and co-operation between the Malays, the Chinese and the Indians, and as among the Malays themselves between them and the Rulers. I would like to take this opportunity to record my thanks to those of Chinese origin, who were led by the father of Tun Tan Siew Sin, Tun Tan Cheng Lock, President of M.C.A. and the others of Indian origin who were led by Tun Sambanthan, President of M.I.C. for the help and support they gave us, and threw in their lot with us to do and die with us, and so the Rulers too, whose representatives worked closely with us on the mission to London on the good ship "Asia". We obtained the maximum agreement before we reached London as a result of which we spoke one language with one voice!

There are people who want to belittle our effort, who said that independence was served to us on a silver platter...In fact these people are from among those who never see eye to eye with us and can never give us credit for what we did. We had to work hard to achieve Merdeka and we had to make sacrifices. The British Government at the time did not intend to give this country back to us so easily. When we claimed Merdeka the British put obstacles in our way and we found within our ranks spies and intelligence officers who were all the time passing on information to the British Government on our activities. Our meetings had been "rigged" with all kinds of recording instruments. Our struggle was not all that smooth. My house in Johore was ransacked for documents when I was away in Alor Star. When I returned I found all my things strewn on the floor. Nothing much value was taken but all the documents were found missing. By the Grace of God we managed to obtain our objective despite all this.

Independence has brought dignity and prestige to the country and to the Malay people and for the last twelve years the Government has been concentrating

all its effort to make the people happy and the country prosperous. Malaya the size of which is 54,000 square miles became Malaysia in the year 1963 and with it our territory expanded further to cover 130,000 square miles with Sabah, Sarawak and Singapore. We had to break away from Singapore to save life and property and to prevent outbreak of hostilities between the people of different races. Now Malaysia stands as a country that can be said to be stable, prosperous and peaceful in comparison with many other countries in the world.

Ladies and Gentlemen, and fellow delegates, as a party UMNO has ruled this country for a long period. It follows therefore that opposition from other parties and people grows. Those in the Opposition will naturally try to find fault with us and look for our weaknesses for use against us in election campaigns or whenever an opportunity afforded them to do so. They levelled at us all their charges and at the same time made many promises to do so much in order to win the people to their side. Party Islam, for instance, projected a very rosy picture of what they would do for the Malays if elected and for the religion of Islam. They talked as if the country is solely peopled by the Malays, as if people of other races do not exist. This type of propaganda appealed to the kampong Malays who believed them. Now look at what they have done after being in power in Kelantan for so many years. There were those who obtained the benefit and these are among the leaders with large concessions for land and timber. But Kelantan itself has not shown any improvement even in respect of religion. What is more astounding to me is the fact that one-fifth of the land in Kelantan had been mortgaged to non-Malays. At the last election they gave help to the non-Malay party by helping to split Malay votes and this had brought success to several non-Malay parties.

Non-Malay parties campaigned on promises to give equal rights to all people of Malaya on the slogan of "Malaysian Malaysia", but they made no effort to provide economic help. If by equal right they mean that they would share and share alike their economic superiority I would understand their good intention, but they would not do this. Therefore there could be no equal right where one half has the economic advantage and the other half lives in poverty. In short, there is no party in this country which can give honest guarantee which will ensure the security of this country and the people happiness, except UMNO and the Alliance.

We in UMNO and the Alliance follow the progress of the time. Whatever development that we should carry out for the good of the people, in particular the Malays and the others in general, we do it to the best of our ability. We plan with care our undertakings. This has been our progressive policy throughout and it has brought prestige to the country. Now it is for UMNO to safeguard the interest of our partners in the Alliance, who have suffered political set back because of their co-operation. Their stand on special position of the Malays, national language and education has been courageous and loyal once and for this reason they had suffered in the last election where the opposition played up the issue. On the other hand, UMNO also experienced setback because we had to consider the position of the other communities. So is it of any good for us to start blaming each other and exaggerating these setbacks, when we ought to co-operate with one another to strengthen the Alliance.

I was very unhappy to hear recently talks of an Old Order and a New Order. Such talk is not in keeping with our political struggle. What has been wrong with the so-called Old Order? Have we not achieved independence for Malaya and extended this independence to include the people of Malaysia? If it is the intention of these people to bring in new spirit and new life into the party I am all for it, for this is our aim. We must change according to the needs of the time. For instance, when UMNO started we had as our slogan "Hidup Melayu", then we changed it to "Merdeka" and now to "Berjaya". If the intention of these people is to get rid of the old members with the object of changing the policy of the party completely, then I am opposed to it...I appreciate that within UMNO today there are many new members, some of whom are people whose heart is not in it. Some of them are from different parties, which have now ceased to exist, because these parties did not receive Malay support. They penetrated into UMNO in order to make use of UMNO's strength for their own end. Some of them expressed support for the Minister whom we have had to expel because of disloyalty to the party. This in itself show their true colour. Be careful of them. They are trying to sell new lamps for old, for with the old magic lamp they hope to gain control of the party and then the country, Malaysia. My last advice to my comrades is this — Do not be taken in by these people and all their sooth-saying for their intention is to break up the party by working from within when they failed to do so from without. Take care of the old magic lamp for its power has brought us and the country so much good fortune. It is your duty as loyal UMNO members to give whatever advice you think good for the people and the country, to UMNO leaders and not to divide UMNO into the Old Order and the New Order. If the reason for calling the New Order and Old Order is because of me I am no more the leader of the party for Tun Razak will soon take over. The two of us and other leaders of UMNO had been working together and believe in the same policy and there is therefore no reason to think that I have been a stumbling block to the progress of UMNO and the country because "the proof of the pudding is in the eating." UMNO is strong and the country is happy and prosperous.

I ask you all, members of UMNO, men, women and the youth to give your full and absolute loyalty and backing to Tun Razak to enable him to shoulder his burden and make his work in the cause of the party and the country easy and smooth. I would also like to ask you to give all your help and support to the Executive Committee of UMNO which you will appoint later today. Words fail me in my expression of my sorrow in having to leave you all and the party which I have served for the last twenty years. The support which you have given me during these years has been most gratifying and surpassed my expectations and I thank you most warmly. With this support we have seen through and overcome many difficulties with patience and courage, so I ask all of you not to do anything which is likely to cause a break in the party for UMNO is the party which commands the support and confidence of the Malay people, in particular when we are faced with difficulties. It is to UMNO which the people look to for support and shelter. An example, during the emergency all the Malays from all parties collected together in support of UMNO. This showed beyond all doubt that UMNO is the Malay people's party.

I would like to congratulate and thank the UMNO members and the members of the Alliance for the success they achieved in the last election in the States of Johore, Pahang, Malacca, Negri Sembilan and Perlis, which won many seats, both in Parliament and State. In politics we must expect victory and defeat, so the States which suffered losses they have my sympathy and I also thank the members of UMNO for having done their best. They must not take to heart the losses suffered. They must continue to work hard for the party in the future, so that we might recover our losses at the next election and win back for UMNO and the Alliance the lost seats and regain our status in the next election. Our losses should be a lesson and help us to correct our mistakes. The only unfortunate thing which followed the election was the outbreak of violence on May 13th. This had caused a set back in our effort to build good relations between the people of this country of different racial origins. What happened on that date had never happened before. It was a most unfortunate affair we had yet to face but thanks be to God things had returned to normal but the scar will remain. Whatever it is there has been a return of harmony and goodwill among the people and this is the only guarantee to peace, happiness and security of the country.

While we were recovering from the effects we were faced with yet another disaster. I refer to the floods, the like of which we had never seen before in this country. In facing this catastrophe the people of the country, irrespective of racial origin, rallied together to shoulder their responsibility with equal fervour and helped one another to overcome the difficulties. When the Government started the Flood Relief Fund, help in cash and kind poured in from all sections of the people. This shows in fact how much sympathy we have for one another, as companions in distress. As a result of this many people had forgotten the tragedy of May 13th.

You will realise that in a short time I will be leaving for Jeddah to take over my new post in Secretariat Islam as its first Secretary-General. By the grace of God this is an honour to Malaysia and not to me in person. I am proud to take over this job to be able to serve the people of my faith, as I have served my own people. I pray to Allah to give me strength to enable me to shoulder the task and my new responsibilities with credit. I ask you all to join me in prayer for its success. I shall be in Batillah in Mecca and I shall for all time pray for the success of UMNO, where I first took on my work in politics and enjoyed it. And I shall forever pray for the well-being of the Malays in particular and all Malaysians in general and also for the leaders and the country, so that they will lead this nation towards further prosperity, peace and happiness.

Selamat berjuang and Berjaya Malaysia.



